

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH Y.B. DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB DATUK RAIME BIN UNGGI
[TENOM]**

SOALAN :

YB DATUK RAIME BIN UNGGI [TENOM] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk mencegah dan mengawal penyakit berjangkit khususnya di kawasan pendalaman.

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bertanggungjawab merancang, memantau dan menilai program pencegahan dan kawalan penyakit tidak berjangkit dan penyakit berjangkit di kawasan bandar dan juga kawasan luar bandar termasuklah kawasan pendalaman.

KKM juga merangka pelan-pelan khusus untuk menangani penyakit tidak berjangkit dan penyakit berjangkit yang berlaku di kawasan bandar dan luar bandar. Kebanyakan penyakit tidak berjangkit seperti penyakit kardiovaskular, kencing manis, kanser dan lain-lain berkait rapat dengan cara hidup, pemakanan dan persekitaran yang tidak sihat.

Penyakit berjangkit yang sering berlaku di kawasan luar bandar seperti kawasan pedalaman ialah seperti malaria, tuberculosis, leptospirosis dan penyakit bawaan air seperti cholera, dysentery dan typhoid.

Tuan Yang Dipertua,

Bagi pencegahan dan kawalan penyakit Malaria di kawasan pedalaman, KKM telah mengambil langkah-langkah berikut:

1. Melantik Sukarelawan Penjagaan Kesihatan Am (SPKA) di Sabah dan Sarawak yang merupakan sukarelawan daripada komuniti yang membantu anggota kesihatan mengenalpasti kes-kes malaria dan melakukan aktiviti kawalan dan pencegahan.
2. Mengadakan kerjasama dengan pihak pengurusan ladang di pedalaman untuk menyediakan kemudahan peralatan dan logistik untuk aktiviti pemeriksaan, pencegahan dan kawalan penyakit berjangkit.

Bagi pencegahan dan kawalan tuberculosis, KKM sedang melaksanakan Pelan Strategik Kawalan Tibi Kebangsaan bagi tempoh 2011 – 2015, di mana fokus kawalan ini juga tertumpu di kawasan bandar dan luar bandar seperti di kawasan pedalaman. Pelan strategik ini memberi penekanan kepada memperkukuhkan komponen sistem perkhidmatan kesihatan, mempertingkatkan sistem pengesanan kes, menyediakan pengurusan rawatan Tibi berkualiti tinggi, memperkasakan komuniti di dalam pencegahan dan kawalan penyakit dan pengurangan penularan jangkitan Tibi kepada masyarakat.

Tuan Yang Dipertua,

Bagi pencegahan dan kawalan penyakit Leptospirosis di kawasan pedalaman, tumpuan diberikan kepada mempertingkatkan kesedaran orang ramai melalui kempen pendidikan kesihatan di dalam media cetak dan elektronik, bekerjasama dengan agensi-agensi lain seperti Pihak Berkuasa Tempatan dan Jabatan Perhutanan di dalam memastikan kebersihan premis makanan dan persekitaran termasuklah pusat rekreasi yang menjadi tumpuan orang ramai dan meningkatkan aktiviti pemeriksaan premis makanan di bawah Peraturan-Peraturan Kebersihan Makanan 2009.

Bagi pencegahan dan kawalan penyakit bawaan air di kawasan pedalaman, paras klorin di semua sumber air termasuk sistem graviti feed yang digunakan di kawasan pedalaman diperiksa agar mematuhi standard yang ditetapkan.

KKM sentiasa memastikan perkhidmatan kesihatan yang disediakan untuk penduduk bandar dan luar bandar berada tahap yang memuaskan dan mampu dinikmati oleh semua lapisan masyarakat.